



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **PENYERAHAN TRAK KAFETEEN UNTUK MENAMBAHBAIK PROGRAM *OUTREACH* OLEH LPPKN**

**PUTRAJAYA, 10 FEBRUARI** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyerahkan Trak KafeTEEN *Outreach* kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai simbolik penambahbaikan kepada program *outreach* sedia ada yang dilaksanakan oleh LPPKN terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan pusat aktiviti untuk golongan remaja.

“Trak KafeTEEN *Outreach* merupakan tambahan kepada **sejumlah 18 buah Pusat Remaja KafeTEEN sedia ada di seluruh negara**. Daripada jumlah itu, sebanyak **lapan (8) buah berada di premis LPPKN, lapan (8) di Pusat Transformasi Bandar atau UTC dan dua (2) dikenali sebagai Pusat Transit KafeTEEN,**” kata Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada majlis serahan, di sini.

Trak KafeTEEN *Outreach* juga menyediakan perkhidmatan secara turun padang bagi remaja melakukan aktiviti-aktiviti sihat dan bermanfaat untuk kebaikan diri mereka sendiri. Sasaran capaian bagi Program Trak KafeTEEN *Outreach* untuk tahun 2023 adalah 6,000 orang remaja di seluruh negara.

KPWKM melalui LPPKN turut memperluaskan Program Advokasi Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial bagi memupuk resiliensi dan jati diri remaja serta menjaga batasan pergaulan.

“Kempen ‘Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu’ bertujuan mendidik remaja mengenai ilmu dan kefahaman tentang kesan negatif hubungan seks sebelum nikah, kesihatan reproduktif dan gejala sosial yang menyelubungi golongan remaja,” tambah Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri.

Kempen ini juga bertujuan untuk memupuk jati diri remaja melalui penghayatan nilai KASIH iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, berilmu dan harmoni bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dalam sebarang aktiviti tidak bermoral, seiring dengan konsep Malaysia MADANI. Kita juga ingin mengetengahkan KafeTEEN sebagai pusat pelaksanaan program berkaitan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) dengan fasiliti mesra remaja. Maklumat lanjut mengenai kempen boleh dilayari di <https://www.ambiltahubagitahu.com.my>.

####

**Disediakan oleh:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**